

## SURAH YAASIIN



Surah: 36 Juzuk: 22/23 Bil. Ayat: 83

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Yaa, Siin.
2. Demi al-Quran yang mengandungi hikmah.
3. Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) daripada kalangan para rasul yang telah diutus.
4. (Yang berada) di atas jalan yang lurus (agama Islam).
5. (Al-Quran itu) diturunkan oleh Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani.
6. Agar engkau memberi peringatan kepada kaum yang nenek moyangnya telah lama tidak diberikan peringatan, maka kerana itu mereka lalai.
7. Sesungguhnya telah pasti perkataan (ketentuan Allah) ke atas kebanyakan mereka, kerana mereka tidak mahu beriman.
8. Sesungguhnya Kami memasang belunggu di kedua tangan mereka ke leher mereka, sehingga (ia menongkatkan) dagu lalu mereka terdongak.
9. Dan Kami jadikan sekatan di hadapan dan di belakang mereka, lalu Kami tutup pandangan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يس ﴿١﴾

وَالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ ﴿٢﴾

إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣﴾

عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٤﴾

تَنْزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ ﴿٥﴾

لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّا أُنذِرَ آبَاؤَهُمْ فَهُمْ غَافِلُونَ ﴿٦﴾

لَقَدْ حَقَّ الْقَوْلُ عَلَىٰ أَكْثَرِهِمْ فَهُمْ لَا

يُؤْمِنُونَ ﴿٧﴾

إِنَّا جَعَلْنَا فِي أَعْنَاقِهِمْ أَغْلَالًا فَهِيَ إِلَى

الْأَذْقَانِ فَهُمْ مُقْمَحُونَ ﴿٨﴾

وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ

سَدًّا فَأَعْشَبْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿٩﴾

mereka, maka mereka tidak dapat melihat (jalan yang benar).

10. Sama sahaja bagi mereka, sama ada engkau beri peringatan atau tidak, mereka tetap tidak akan beriman.
11. Sesungguhnya peringatan itu hanyalah yang engkau berikan kepada orang yang sedia mengikut ajaran al-Quran dan yang takut dengan ar-Rahman (Allah) ketika dia tidak dilihat orang dan ketika dia tidak melihat azab Tuhan. Maka berilah kepadanya berita yang menggembirakan dengan keampunan dan ganjaran yang mulia.
12. Sesungguhnya Kami menghidupkan orang yang mati, serta Kami tuliskan apa yang mereka telah lakukan dan segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan. Setiap sesuatu kami catatkan satu persatu dalam kitab<sup>(1)</sup> yang nyata.
13. Ceritakanlah kepada mereka satu perumpamaan tentang kisah penduduk sebuah bandar (Antakiah) ketika mereka didatangi para rasul.
14. Ketika Kami mengutuskan kepada mereka dua orang rasul lalu mereka mendustakan mereka, kemudian Kami kuatkan dengan

وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أُنذِرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠﴾

إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ اتَّبَعَ الذِّكْرَ وَخَشِيَ الرَّحْمَنََ الْغَيْبِ فَبَشِّرْهُ بِمَغْفِرَةٍ وَأَجْرٍ كَرِيمٍ ﴿١١﴾

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَرَهُمْ وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾

وَاضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا أَصْحَابَ الْقَرْيَةِ إِذْ جَاءَهَا الْمُرْسَلُونَ ﴿١٣﴾

إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا إِلَيْكُم مُّرْسَلُونَ ﴿١٤﴾

1 Lauh Mahfuz.

rasul yang ketiga, lalu para rasul itu berkata: “Sesungguhnya kami adalah utusan kepada kamu”.

15. Mereka menjawab: «Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami, Tuhan yang Maha Pemurah tidak menurunkan sesuatupun (tentang agama yang kamu dakwakan), kamu ini tidak lain hanyalah pendusta».
16. Para rasul berkata: “Tuhan kami mengetahui sesungguhnya kami adalah para rasul yang diutus kepada kamu”.
17. «Dan tugas kami hanyalah menyampaikan perintah-perintahNya dengan nyata».
18. Penduduk bandar itu berkata pula: «Sesungguhnya kami dirundung malang kerana kamu. Sekiranya kamu tidak berhenti (menyeru kami), kami pasti akan merejam kamu dan kamu akan merasai azab yang sangat pedih daripada kami».
19. Para rasul itu menjawab: «Nasib malang kamu itu adalah disebabkan oleh kamu sendiri. Apakah kerana kamu diberi peringatan? Sebenarnya kamu adalah kaum yang melampaui batas».
20. Dan datanglah seorang lelaki<sup>(1)</sup> dari hujung bandar itu dengan berlari, lalu menasihati dengan katanya: «Wahai kaumku! Ikutilah para rasul itu.

قَالُوا مَا أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَمَا أَنْزَلَ الرَّحْمَنُ مِنْ شَيْءٍ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ ﴿١٥﴾

قَالُوا رَبَّنَا عَلِّمْنَا لِنَا إِيَّاتِي كَمَا لَمُرْسَلُونَ ﴿١٦﴾

وَمَا عَلَيْنَا إِلَّا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ ﴿١٧﴾

قَالُوا إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ لَئِن لَّمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتٌ فَذَرْهُمْ لِنَرْجُمَنَّكُمْ وَلِيَمْسَئَنَّكُمْ مِنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٨﴾

قَالُوا لَطِيفٌ بِكُمْ مَعَكُمْ أَيَّن ذُكِّرْتُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿١٩﴾

وَجَاءَ مِنْ أَقْصَا الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَى قَالَ يَا قَوْمِ اتَّبِعُوا الْمُرْسَلِينَ ﴿٢٠﴾

1 Ahli tafsir berpendapat lelaki tersebut ialah Habib an-Najjar.

21. «Ikutilah orang yang tidak meminta kepada kamu sebarang balasan, sedangkan mereka adalah orang yang mendapat hidayah».
22. Dan (apabila ditanya: “Sudahkah engkau menerima agama mereka?”, maka jawabnya): «Mengapa aku tidak menyembah Tuhan yang menciptakan aku, kepadaNya lah (aku dan) kamu semua akan dikembalikan?”
23. «Patutkah aku menyembah beberapa tuhan selain daripada Allah? Jika Allah yang Maha Pemurah hendak menimpakan aku dengan bahaya, mereka tidak dapat memberikan sebarang syafaat kepadaku, mereka juga tidak dapat menyelamatkan aku”.
24. «Sesungguhnya aku (kalau melakukan syirik) pastilah ketika itu aku berada dalam kesesatan yang nyata».
25. «Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu, maka dengarlah (nasihatku)”.
26. (Setelah dia mati) lalu dikatakan kepadanya: «Masuklah ke dalam syurga<sup>(1)</sup>». Dia berkata: «Alangkah baiknya kalau kaumku mengetahui».

أَتَسِعُوا مَن لَّا يَسْأَلُكُمْ أَجْرًا وَهُمْ  
مُّهْتَدُونَ ﴿٢١﴾

وَمَا لِي لَّا أَعْبُدُ الَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيْهِ  
تَرْجِعُونَ ﴿٢٢﴾

أَأَتَّخِذُ مِن دُونِهِ آلِهَةً إِن يُرِدْنِ الرَّحْمَنُ  
بِضُرٍّ لَّا تُغْنِي عَنِّي شَفَاعَتُهُمْ شَيْئًا وَلَا  
يُنْقِذُونِ ﴿٢٣﴾

إِنِّي إِذًا لَّفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

إِنِّي ءَامَنْتُ بِرَبِّكُمْ فَأَسْمِعُونِ ﴿٢٥﴾

قِيلَ ادْخُلِ الْجَنَّةَ قَالَ يَا لَيْتَ قَوْمِي  
يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

1 Ahli tafsir meriwayatkan lelaki tersebut telah dibunuh oleh kaumnya setelah dia menasihati mereka. Tetapi sebelum dia meninggal, malaikat turun memberitahu bahawa Allah telah mengampuni dosanya dan dia akan memasuki syurga.

27. «Tentang perkara yang menyebabkan aku diampunkan oleh Tuhanku, serta dijadikannya aku daripada orang yang dimuliakan».
28. Kami tidak menurunkan kepada kaumnya setelah dia (meninggal) sebarang pasukan tentera dari langit (untuk membinasakan mereka), dan tidak perlu Kami menurunkannya.
29. (Kebinasaan mereka) hanyalah dilakukan dengan satu jeritan (yang dahsyat), maka ketika itu juga mereka mati.
30. Alangkah besarnya penyesalan terhadap hamba-hamba itu. Setiap kali datang seorang rasul kepada mereka, mereka selalu mempersendakannya.
31. Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Umat-umat yang telah binasa itu tidak kembali lagi kepada mereka.
32. Dan setiap umat semuanya akan dihadapkan kepada Kami.
33. Suatu tanda kekuasaan Allah bagi mereka ialah bumi yang mati, Kami hidupkannya serta Kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan.

يَمَاعَفَر لِي رَبِّي وَجَعَلَنِي مِنَ الْمُكْرَمِينَ ﴿٢٧﴾

﴿ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَى قَوْمِهِ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ جُنْدٍ  
مِنَ السَّمَاءِ وَمَا كُنَّا مُنْزِلِينَ ﴾ ﴿٢٨﴾

﴿ إِنْ كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ خَامِدُونَ ﴾ ﴿٢٩﴾

﴿ يَحْسَرَةَ عَلَى الْعِبَادِ مَا يُأْتِيهِمْ مِنْ رَسُولٍ  
إِلَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِءُونَ ﴾ ﴿٣٠﴾

﴿ أَلَيْسَ لَهُمْ مِنَ الْقُرُونِ  
أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ لَا يَرْجِعُونَ ﴾ ﴿٣١﴾

﴿ وَإِنْ كُلُّ لَمَّا جَمِعْنَا لَدَيْنَا مَحْضُرُونَ ﴾ ﴿٣٢﴾

﴿ وَآيَةٌ لَهُمُ الْأَرْضُ الْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَاهَا  
وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ ﴾ ﴿٣٣﴾

34. Kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan kami pancarkan kepadanya beberapa mata air.
35. Agar mereka makan daripada buah-buahannya dan daripada apa yang dilakukan oleh tangan-tangan mereka, maka mengapa mereka tidak bersyukur?
36. Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan semuanya berpasangan, sama ada daripada apa yang ditumbuhkan oleh bumi, atau daripada diri mereka, ataupun daripada apa yang mereka tidak mengetahuinya.
37. Di antara tanda kekuasaan Tuhan bagi mereka juga ialah malam. Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta-merta mereka berada dalam kegelapan.
38. Dan matahari, ia beredar di tempat yang ditetapkan baginya. Itu adalah takdir Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.
39. Bulan pula Kami takdirkan ia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya ia kembali semula kepada peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering<sup>(1)</sup>.

وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ  
وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ ﴿٣٤﴾

لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ  
أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾

سُبْحَانَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا  
وَمَا تَنبُتُ الْأَرْضُ وَمَنْ أَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا  
يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

وَأَيَّاهُمْ أَيُّ لَيْلٍ سَلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا  
هُم مُّظْلَمُونَ ﴿٣٧﴾

وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا ذَلِكَ  
تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾

وَالْقَمَرَ قَدَرَهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ  
الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

1 Pada awal bulan, bulan itu kecil berbentuk sabit, kemudian setelah melalui beberapa peredaran ia menjadi purnama. Pada peredaran terakhir, ia kelihatan seperti tandan

40. Matahari tidak mampu mengejar bulan, malam juga tidak dapat mendahului siang. Setiap satunya beredar pada paksi masing-masing.
41. Satu lagi tanda kebesaran Allah bagi mereka ialah Kami bawa belayar semua keturunan keluarga mereka dalam kapal yang penuh muatan.
42. Dan Kami ciptakan bagi mereka kenderaan-kenderaan yang sama dengannya, yang mereka dapat menaikinya<sup>(1)</sup>.
43. Jika Kami kehendaki, Kami boleh tenggelamkan mereka, maka tiada yang dapat memberi pertolongan kepada mereka, mereka juga tidak dapat diselamatkan.
44. Kecuali dengan rahmat daripada Kami dan kesenangan hidup yang dikurniakan kepada mereka hingga ke suatu masa.
45. Apabila dikatakan kepada mereka: «Takutilah seksaan yang ada di hadapan kamu (di dunia) dan di belakang kamu (azab hari akhirat), semoga kamu dirahmati».
46. Tidak sampai kepada mereka sesuatu tanda daripada tanda-tanda kekuasaan Tuhan mereka melainkan mereka selalu berpaling daripadanya.

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ  
سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

وَأَيُّ لَهْمٍ لَهُمْ أَنَا حَمَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ فِي الْفُلِكِ  
الْمَسْحُونِ ﴿٤١﴾

وَخَلَقْنَا لَهُمْ مِنْ مِثْلِهِ مَا يَرْكَبُونَ ﴿٤٢﴾

وَإِنْ نَشَاءُ نَغْرِقْهُمْ فَلَا يَصْرِحُ لَهُمْ وَلَا هُمْ  
يُقَدَّرُونَ ﴿٤٣﴾

إِلَّا رَحْمَةً مِنَّا وَمَتَاعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٤٤﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّقُوا مَا بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَمَا  
خَلْفَكُمْ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٤٥﴾

وَمَا نَأْتِيهِمْ مِنْ آيَةٍ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِمْ إِلَّا  
كَأَنَّهُمْ عَنْهَا مُعْرِضُونَ ﴿٤٦﴾

kering yang melengkung (berbentuk sabit).

1 Iaitu binatang-binatang tunggangan dan alat-alat pengangkutan.

47. Apabila dikatakan kepada mereka: «Dermakanlah sebahagian daripada rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu», maka orang yang kafir itu akan berkata kepada orang yang beriman (secara mempersenda): «Patutkah kami memberi makan kepada orang yang jika Allah kehendaki pastilah Dia akan memberinya makan? Kamu ini hanya berada dalam kesesatan yang nyata».
48. Mereka bertanya lagi (secara mempersenda): «Bilakah datangnya (hari akhirat) yang dijanjikan itu jika kamu orang yang benar?».
49. Mereka tidak menunggu melainkan satu jeritan yang dahsyat<sup>(1)</sup> yang akan membinasakan mereka ketika mereka sedang bertengkar.
50. Maka mereka tidak sempat membuat sebarang wasiat dan tidak sempat kembali kepada keluarga mereka.
51. Lalu ditiupkan sangkakala<sup>(2)</sup>, maka semuanya segera bangkit keluar dari kubur masing-masing untuk menghadap Tuhan mereka.
52. (Pada ketika itu) orang yang tidak percayakan hidup semula akan berkata: “Alangkah

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا أَنْطَعِمُكُمْ مِنْ لَوْ يَشَاءُ اللَّهُ أَنْطَعِمَهُمْ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا فِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ﴿٤٧﴾

وَيَقُولُونَ مَتَى هَذَا الْوَعْدُ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤٨﴾

مَا يَنْظُرُونَ إِلَّا الصَّيْحَةَ وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ ﴿٤٩﴾

فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥٠﴾

وَيُنْفِخُ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُم مِّنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَنْسِلُونَ ﴿٥١﴾

قَالُوا إِنَّا كُنَّا مِنْكُمْ مَّن مَّزَقْنَا مِنْكُمْ هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ ﴿٥٢﴾

1 Iaitu tiupan sangkakala pertama yang memusnahkan dunia.

2 Tiupan sangkakala kedua yang membangkitkan manusia daripada kubur.



celakanya kami! Siapakah yang membangkitkan kami dari kubur tempat tidur kami?” (Lalu dikatakan kepada mereka): «Inilah yang telah dijanjikan oleh Allah yang Maha Pemurah dan benarlah berita yang disampaikan oleh para rasul!»

53. Hanya dengan satu jeritan sahaja, maka dengan serta merta semuanya dihimpunkan ke tempat perbicaraan Kami.
54. Pada hari itu, tidak ada yang akan dizalimi sedikitpun dan tidak ada yang akan dibalas melainkan mengikut amalan yang kamu telah lakukan.
55. Sesungguhnya penduduk syurga pada hari itu sibuk menikmati kesenangan.
56. Mereka bersukaria dengan pasangan-pasangan mereka di tempat yang teduh, sambil duduk berbaring di atas pelamin-pelamin.
57. Di dalam syurga itu mereka memperolehi pelbagai jenis buah-buahan dan apa sahaja yang mereka kehendaki.
58. Kepada mereka dikatakan: “Salam daripada Tuhan yang Maha Mengasihani”.
59. Dan (dikatakan kepada orang yang kafir): «Berpisahlah kamu (dengan orang yang beriman) pada hari ini wahai orang yang berdosa».

إِنْ كَانَتْ إِلَّا صِيحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ  
جَمِيعٌ لَّدَيْنَا مُحْضَرُونَ ﴿٥٣﴾

فَالْيَوْمَ لَا نُظَلِّمُ نَفْسًا شَيْئًا وَلَا نُنْجِزُونَ  
إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٥٤﴾

إِنَّ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ الْيَوْمَ فِي شُغْلٍ فَالِكُهُونَ ﴿٥٥﴾

هُمْ وَأَزْوَاجُهُمْ فِي ظِلِّ عَلَى الْأَرَائِكِ  
مُتَّكِفُونَ ﴿٥٦﴾

لَهُمْ فِيهَا فَاكِهَةٌ وَلَهُمْ مَا يَدَّعُونَ ﴿٥٧﴾

سَلَامٌ قَوْلًا مِنْ رَبِّ رَحِيمٍ ﴿٥٨﴾

وَأَمَّا قَوْلُ الْكُفْرَانِ الْيَوْمَ الْيَوْمَ أَيُّهَا الْمُجْرِمُونَ ﴿٥٩﴾

60. Bukankah Aku telah perintahkan kepada kamu wahai anak-anak Adam supaya jangan menyembah syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang nyata terhadap kamu!
61. Dan hendaklah kamu menyembahKu, inilah jalan yang lurus.
62. Sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan ramai golongan di antara kamu, tidakkah kamu berfikir?
63. Apa yang kamu saksikan sekarang ialah neraka Jahannam, yang kamu selalu diancam (memasukinya jika kamu tidak mentaati perintah Allah).
64. Rasakanlah bakarannya pada hari ini disebabkan kekufuran yang telah kamu lakukan.
65. Pada waktu itu Kami mengunci mulut mereka. Tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.
66. Jika Kami kehendaki, Kami berkuasa menghapuskan bentuk dan mata mereka menjadi rata lalu masing-masing menerpa mencari-cari jalan. Maka bagaimanakah mereka dapat melihat?

﴿أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ بَيْنِي ۖ أَلَمْ أَنْ لَّا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٦٠﴾

﴿وَأَنْ أَعْبُدُونِي هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾

﴿وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنْكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا أَفَلَمْ تَكُونُوا تَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾

﴿هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٦٣﴾

﴿أَصَلَوْهَا الْيَوْمَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٦٤﴾

﴿الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَنَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٦٥﴾

﴿وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰ أَعْيُنِهِمْ فَاسْتَبَقُوا الصِّرَاطَ فَأَنَّى يُبْصِرُونَ ﴿٦٦﴾

67. Dan jika Kami kehendaki, Kami berkuasa mengubah keadaan jasmani mereka (menjadi kaku) di tempat mereka berada, maka mereka tidak dapat mara ke hadapan dan tidak dapat undur ke belakang.
68. Sesiapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami balikkan kembali kejadiannya (kepada keadaan serba lemah dan kurang akal), maka tidakkah mereka mahu berfikir?
69. Kami tidak mengajarkan syair kepadanya, malahan kepandaian bersyair itu tidak sesuai baginya. Apa yang Kami wahyukan kepadanya itu tidak lain hanyalah peringatan dan al-Quran yang nyata.
70. Supaya dia memberi peringatan kepada orang yang hidup (hatinya) dan agar pasti ketetapan (azab) terhadap orang kafir.
71. Tidakkah mereka melihat bahawa Kami telah menciptakan bagi mereka haiwan ternakan dengan kekuasaan Kami lalu mereka memilikinya?
72. Kami jinakkannya bagi kegunaan mereka, sebahagian di antaranya menjadi kenderaan mereka dan sebahagian lagi mereka makan.
73. Mereka mendapat pelbagai manfaat dan minuman daripada binatang ternakan itu, maka mengapa mereka tidak mahu bersyukur?

وَلَوْ نَشَاءُ لَمَسَخْنَاهُمْ عَلَىٰ مَكَاتِبِهِمْ  
فَمَا اسْتَطَعُوا مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ ﴿٦٧﴾

وَمَنْ نُعَمِّرْهُ نُنَكِّسْهُ فِي الْخَلْقِ أَفَلَا  
يَعْقِلُونَ ﴿٦٨﴾

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا  
ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾

لِيُنذِرَ مَنِ كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ الْقَوْلُ عَلَى  
الْكَافِرِينَ ﴿٧٠﴾

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا خَلَقْنَا لَهُمْ مِمَّا عَمِلَتْ  
أَيْدِيهِمْ أَنْعَامًا فَهُمْ لَهَا مَالِكُونَ ﴿٧١﴾

وَدَلَّلْنَاهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا  
يَأْكُلُونَ ﴿٧٢﴾

وَلَهُمْ فِيهَا مَنَافِعُ وَمَشَارِبٌ أَفَلَا  
يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

74. Mereka menyembah beberapa tuhan selain daripada Allah dengan harapan semoga mereka mendapat pertolongan.
75. Benda-benda yang mereka sembah itu tidak dapat sama sekali menolong mereka, bahkan benda-benda itu sendiri menjadi tentera yang akan hadir (pada hari kiamat, untuk memberi seksaan) kepada mereka.
76. Maka janganlah engkau (wahai Muhammad) berasa sedih disebabkan tuduhan-tuduhan mereka. Sesungguhnya Kami mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan.
77. Tidakkah manusia itu melihat bahawa Kami telah menciptakannya daripada (setitis) air mani? Namun, tiba-tiba dia menjadi seorang musuh yang nyata.
78. Dia memberikan satu perumpamaan kepada Kami (tentang kekuasaan itu), sedangkan dia lupa tentang kejadian penciptaannya. Dia bertanya: «Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-temulang yang telah hancur seperti debu?»
79. Katakanlah: «Tulang-temulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada

وَأَتَّخِذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ إِلَهَةً لَعَلَّهُمْ  
يُنصَرُونَ ﴿٧٤﴾

لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُودٌ  
مُحْضَرُونَ ﴿٧٥﴾

فَلَا يَحْزَنكَ قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا  
يُعْلِنُونَ ﴿٧٦﴾

أَوَلَمْ يَرَ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ نُطْفَةٍ  
فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُبِينٌ ﴿٧٧﴾

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ قَالَ مَنْ  
يُحْيِي الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ ﴿٧٨﴾

قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ  
بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

awal kejadiannya, Dia Maha Mengetahui setiap keadaan makhluk».

80. Tuhan yang telah menjadikan api daripada pohon-pohon yang hijau bagi kegunaan kamu, maka kamu selalu menyalakan api daripada pohon-pohon itu.
81. Bukankah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi berkuasa untuk menciptakan semula manusia sebagaimana Dia menciptakan mereka dahulu? Bahkan ia! Dan Dialah yang Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui.
82. Sesungguhnya kekuasaanNya apabila Dia ingin adanya sesuatu, Dia hanya berfirman kepada benda itu: «Jadilah engkau!». Maka ia terus jadi.
83. Maka Maha Suci Allah Tuhan yang di tanganNya kekuasaan dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan.

الَّذِي جَعَلَ لَكُم مِّنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا  
فَإِذَا أَنشَأْتُم مِّنْهُ تُوفِدُونَ ﴿٨٠﴾

أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ  
يَقْدِرُ عَلَىٰ أَنْ يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ بَلَىٰ وَهُوَ  
الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ ﴿٨١﴾

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ  
فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ  
وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

